

# Ambil iktibar pengisytiharan merdeka perkukuh perpaduan



Penganalisis  
Sosiopolitik

Oleh Datuk M Periasamy  
bhrencana@bh.com.my

**Memori** pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu disegarkan kembali melalui acara dalam bentuk 'lakonan semula' pada 20 Februari lalu di pekarangan Memorial Pengisytiharan kemerdekaan di Bandar Hilir Melaka.

Kali ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim 'mengambil' peranan Tunku Abdul Rahman yang pada 20 Februari 1956 menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu merangkap Presiden UMNO ketika itu.

Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran pula mengambil posisi mantan Presidennya, Tun VT Sambanthan, yang juga Menteri Buruh. Sambanthan pernah mengalungkan bunga malai kepada Tunku sebagai tanda hormat dan penghargaan setiba di Bandar Hilir Melaka itu. Peristiwa serupa diulangi Vigneswaran apabila mengalungkan bunga malai kepada Anwar.

Gesaan Anwar supaya rakyat merenung semula erti kemerdekaan dalam ucapan perasmianya pasti mencetuskan persoalan sejauh manakah generasi pascakemerdekaan mengerti dan mengenang liku-liku perjalanan serta perjuangan pelopor kemerdekaan membebaskan Tanah Melayu daripada belunggu penjajahan kuasa luar hampir 400 tahun?

Apakah mereka rentetan peristiwa penting membawa kepada kebebasan Tanah Melayu daripada penjajahan British? Ini termasuk apakah mereka mengetahui latar belakang dan pemimpin yang memutuskan tarikh kemerdekaan?

Saya rakamkan hal ini dalam buku *Abdullah Fahim, Perjuangan Seorang Tokoh Agama dan Kemerde-*

*dekaan*, iaitu tarikh hari kemerdekaan dicadangkan Tuan Guru Abdullah Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Abdullah Fahim, iaitu tokoh ulama dan pendidik banyak menabur jasa bakti terhadap perkembangan Islam dan kemajuan rakyat serta politik Tanah Melayu sebelum merdeka.

Beliau memiliki keilmuan dalam bidang syariah, usuludin, tasawuf, tarikat, tafsir al-Quran, hadis dan falak ialah datuk kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar menemui Abdullah Fahim di rumahnya di Kepala Batas. Dalam pertemuan itu, Abdullah Fahim mendaftarkan sebagai ahli UMNO yang turut disertai ramai alim ulama.

'Tradisi' itu diteruskan Tunku yang mengambil alih kepemimpinan UMNO daripada Onn apabila berjumpa Abdullah Fahim untuk mendapat nasihat sebelum bertolak ke London untuk mengadakan rundingan kemerdekaan pada awal 1956.

Beberapa hari kembalinya dari London, Tunku dan beberapa pemimpin UMNO sekali lagi bertemu Abdullah Fahim dan meminta firasat beliau untuk menetapkan tarikh sesuai untuk mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu. Selepas berfikir dengan mendalam, Abdullah Fahim memberitahu Tunku bahawa tarikh terbaik ialah 31 Ogos 1957.

## Tamat zaman penjajahan

Tunku yang menerajui UMNO dengan kerjasama MCA dan MIC akhirnya menamatkan zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Kerjasama dan permuafakatan semua kaum di negara ini menjulang kemerdekaan tanpa menumpahkan darah. Menarik juga untuk dikongsi, menurut sumber veteran UMNO dari Kepala Batas, Tunku pernah menyatakan pada peringkat awal UMNO berjuang menuntut kemerdekaan

Tanah Melayu daripada Inggeris, penduduk imigran Cina dan India tidak bersatu dan bermuafakat dengan orang Melayu.

Lantaran itu, kerajaan Inggeris memberi syarat orang Melayu, Cina dan India hendaklah bersatu terlebih dahulu sebelum Inggeris melayan tuntutan kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Inggeris bimbang sekiranya tuntutan itu dilayan, ada kemungkinan huru-hara akibat percakapan antara tiga kaum utama.

Keanyakan orang Melayu mahukan kemerdekaan Tanah Melayu diberikan kepada bangsa Melayu dengan alasan orang Cina dan India adalah bangsa imigran. Dalam menghadapi kekusutan itu, Tunku dan beberapa pemimpin UMNO bertemu Abdullah Fahim di rumahnya untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan.

Dalam pertemuan itu, Abdullah Fahim mengangkat tangan kanannya ke atas dan menegakkan jari telunjuk, tengah, manis dan kelingking, manakala ibu jarinya dibengkokkan.

Beliau berkata, jari telunjuk ibarat kerajaan Inggeris, ketiga-tiga jari pula Melayu, Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu, manakala jalan paling baik ialah ketiga-tiga jari di tangannya bersatu.

Ini bermakna, ketiga-tiga kaum utama ketika itu hendaklah sentiasa bersatu dan bermuafakat untuk mencapai kejayaan.

Sehubungan ini, rakyat pelbagai kaum merdeka perlu bukan hanya mengingati peristiwa pengisytiharan kemerdekaan, tetapi harus juga menghayati nasihat Abdullah Fahim menasihatkan agar 'orang Islam perlu memperbaiki perselisihan sesama mereka dan selepas berdamai, perpaduan itu diharapkan dapat berkekalan. Inilah satu-satunya senjata boleh menguatkan kedudukan orang Islam dan orang Melayu.'